

Mata Wang Islam : Analisa Menurut Pandangan Sarjana Islam

Suffian Haqiem Nor Azelan¹

Asmak Ab Rahman²

Mohd Shahid Mohd Noh³

ABSTRAK

Dinar emas dan dirham perak merupakan mata wang terawal yang digunakan selepas kedatangan Islam di Mekah. Keduanya merupakan barangan ribawi dan terikat kepada hukum riba berdasarkan hadith Nabi Muhammad S.A.W. Selain dinar dan dirham, penggunaan mata wang dalam masyarakat Islam berkembang dan berubah mengikut zaman. Masyarakat menggunakan mata wang daripada jenis yang lain seperti gangsa, tembaga, wang kertas dan wang digital yang digunakan pada masa kini. Kajian ini menggunakan kaedah analisa kandungan yang berpaksikan tematik untuk melihat ciri-ciri dan kriteria mata wang menurut Islam. Pandangan-pandangan sarjana Islam tentang mata wang dianalisa dengan mendalam untuk mendapatkan hasil kajian tersebut. Mata wang Islam tidak terhad kepada emas dan perak sahaja. Sarjana Islam juga bersepakat mata wang berfungsi sebagai alat pertukaran dan pengukur nilai sesuatu barangan atau perkhidmatan.

Kata kunci: mata wang, dinar emas, dirham perak, wang kertas, fiat

PENDAHULUAN

Mata wang merupakan suatu barangan atau objek yang diterima oleh masyarakat umum sebagai satu alat pertukaran yang diterima dalam kehidupan seharian manusia. Mata wang dalam kehidupan manusia berfungsi sebagai alat untuk mengukur dan menentukan harga sesuatu barangan atau perkhidmatan. Di samping itu, mata wang juga menjadi medium bagi transaksi pertukaran barangan atau perkhidmatan.⁴ Pada zaman moden ini, semua aktiviti ekonomi harian sama ada melibatkan urusan individu, masyarakat atau negara menggunakan mata wang sebagai alat pertukaran dan pengukur nilai.⁵

Terdapat beberapa perbezaan pendapat dalam kalangan sarjana Islam mengenai penggunaan dan status mata wang yang digunakan. Sebahagian sarjana Islam berpendapat bahawa mata wang yang diterima Islam adalah emas dan perak. Selain itu, terdapat juga sarjana Islam yang menyatakan mata wang haruslah disandarkan kepada emas dan perak. Pandangan sarjana Islam yang lain adalah mata wang selain emas dan perak boleh digunakan

¹ Calon PhD, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, suffianhaqiem@um.edu.my

² Profesor Madya, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, asmak@um.edu.my

³ Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, shahid82@um.edu.my

⁴ Davies, Glyn. *History of money*. (Cardiff : University of Wales Press, 2010), 27-28.

⁵ Miller, Roger LeRoy, and David D. VanHoose. *Modern money and banking*. (New York: McGraw-Hill College, 1993), 56.

berdasarkan adat dan kebiasaan dalam masyarakat. Hal ini kerana nas-nas Al-Quran dan Sunnah tidak menghadkan mata wang hanya kepada emas dan perak.⁶

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah analisa kandungan serta pendekatan induktif dengan mengenal pasti tema-tema utama perbincangan ulama dan sarjana Islam di dalam teori mata wang. Medium pertukaran, pengukur nilai, penyimpan nilai, nilai intrinsik, berdasarkan emas atau perak dan regulasi kerajaan dikenal pasti sebagai tema utama di dalam mendiskusikan teori dan fungsi mata wang dari perspektif Islam.

KAJIAN LITERATUR

Salmy Edawati Yaacob membincangkan tentang fasa perkembangan penggunaan mata wang. Kajian ini menganalisis pandangan sarjana Islam mengenai penggunaan wang kertas dan mata wang dari pandangan Islam. Analisis ini berdasarkan fasa perkembangan mata wang kertas di dunia bermula dari fasa pertama (mata wang kertas sebagai penerimaan hutang), fasa kedua (mata wang kertas sebagai alat pembayaran), fasa ketiga (wang kertas yang disandarkan kepada nilai emas) dan fasa keempat (wang kertas sebagai mata wang utama). Kesimpulan dari kajian ini, penggunaan wang kertas pada masa ini adalah dibenarkan kerana pada masa ini wang kertas telah menjadi mata wang utama dunia dan bukan lagi sebagai resit hutang. Keputusan Majma` al-Fiqh al-Islami sesi ke-5 yang diadakan pada tahun 1982 juga membenarkan penggunaan wang kertas sebagai mata wang yang harus dalam Islam.⁷

Menurut Ichsan, fungsi mata wang hanyalah terbatas sebagai alat pertukaran dalam Islam. Mata wang yang diiktiraf dalam Islam adalah dinar emas dan dirham perak sahaja. Ini kerana dalam Al-Quran hanya menyatakan kedua-dua mata wang tersebut sebagai sinonim dengan kekayaan dan kehartaan. Dinar emas dan dirham perak juga bersifat universal dan diterima dengan baik oleh masyarakat umum sebagai sesuatu yang berharga dan mempunyai nilai yang stabil.⁸

Aslam Haneef (2006) menganalisis pandangan-pandangan fiqh terhadap penggunaan mata wang. Perbincangan yang dilakukan melihat sama ada mata wang terhad kepada emas dan perak sahaja atau tidak. Pandangan sarjana Islam terbahagi kepada dua di mana golongan yang pertama menetapkan mata wang yang diterima di sisi Islam hanyalah emas dan perak. Pandangan kedua pula menerima wang fiat yang digunakan sekarang sebagai mata wang dan fleksibel terhadap mata wang yang diperkenalkan oleh kerajaan.⁹

SEJARAH PERKEMBANGAN SISTEM MATA WANG

Masyarakat menggunakan mata wang sebagai alat pertukaran barangan dan perkhidmatan sejak sekian lama lagi. Apabila sistem barter tidak lagi dapat memenuhi keperluan masyarakat, sistem mata wang yang digunakan mula berubah dan berkembang.

⁶ Abdullah, Adam. *The Islamic Currency*. (Kuala Lumpur: International Council of Islamic Finance Educators, 2016), 39.

⁷ Yaacob, Salmy Edawati. "The ruling of paper money usage: analysis based on the evolution of currency development." *Asian Social Science* 10, no. 3 (2014): 91.

⁸ Ichsan, Muchammad. "Konsep Uang Dalam Perspektif Ekonomi Islam." *Profetika: Jurnal Studi Islam* 21, no. 1 (2020): 29.

⁹ Barakat, Emad Rafiq, and Muhammad Aslam Haneef. "Must money be limited to only gold and silver?: a survey of Fiqhi opinions and some implications." *Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economics* 19, (2006): 24.

Perkembangan sistem mata wang dalam kehidupan seharian masyarakat adalah selari dengan kehendak serta keperluan masyarakat sendiri dan kemajuan teknologi yang semakin maju.¹⁰

Berdasarkan sejarah, perkembangan penggunaan sistem mata wang secara sistematik dalam masyarakat boleh dibahagikan kepada tiga fasa. Fasa pertama bermula di kerajaan Lydia yang wujud pada tahun 1200 - 546 sebelum Masihi. Mata wang yang ditempat daripada logam buat pertama kalinya diperkenalkan oleh pemerintah dan digunakan sebagai mata wang rasmi kerajaan. Kerajaan lain pada waktu itu seperti Sumeria, Athens, Babylon dan Mesopotamia juga mencontohi sistem mata wang tersebut. Pada fasa ini awal, masyarakat dunia masih bergantung kepada mata wang dari komoditi dan logam. Fasa seterusnya selepas berakhirnya zaman gelap di Eropah dan digantikan dengan zaman kebangkitan (*renaissance*). Pada fasa ini, sistem perbankan moden mula diperkenalkan. Selain itu, pengumpulan harta dan kekayaan tidak hanya terhad kepada golongan diraja dan bangsawan sahaja. Rakyat biasa juga berpeluang mengumpul kekayaan kerana pengamalan sistem pasaran bebas dalam masyarakat. Selain wang, hartanah, saham dan bon turut menjadi sumber kekayaan masyarakat. Fasa ketiga bermula pada abad ke-21 di mana penggunaan sistem mata wang tidak hanya terhad kepada wang berbentuk fizikal. Mata wang seperti mata wang elektronik dan mata wang digital digunakan dalam transaksi harian menggunakan aplikasi seperti e-dompot. Walaupun sistem mata wang fiat masih dikekalkan, ianya tidak terhad kepada mata wang kertas semata-mata.¹¹

Pada zaman Rasulullah SAW, masyarakat Tanah Arab menggunakan mata wang dinar emas dan dirham perak sebagai mata wang utama. Kedua-dua mata wang tersebut dikeluarkan oleh kerajaan Byzantium di Rom dan kerajaan Sasan di Parsi. Rasulullah SAW tidak melarang penggunaan mata wang tersebut dan tidak memperkenalkan mata wang yang lain. Sehubungan itu, mata wang dinar dan dirham daripada emas dan perak dianggap sebagai mata wang yang diterima umum oleh masyarakat Islam pada zaman tersebut. Selepas itu, mata wang dinar dan dirham yang mempunyai ciri-ciri Islam dari aspek fizikal seperti ukiran tulisan tauhid diperkenalkan oleh para khalifah Islam yang seterusnya dari zaman khulafa' al-Rasyidin sehingga kerajaan khalifah Uthmaniyyah.¹²

TEORI MATA WANG MENURUT ISLAM

Definisi wang dalam Kamus Dewan edisi keempat adalah alat pertukaran yang mempunyai harga tertentu dan diakui sah.¹³ Wang juga merupakan item yang digunakan sebagai medium pembayaran bagi sesuatu barangan atau perkhidmatan dan penyelesaian hutang.¹⁴ Sebahagian sarjana berpendapat bahawa mata wang selain diterima masyarakat sebagai alat pertukaran bagi sesuatu transaksi, ianya juga perlu diiktiraf oleh kerajaan yang berkuasa sama ada melalui wakil pemerintah ataupun institusi yang diberi mandat seperti bank pusat.¹⁵ Contoh mata wang yang pernah digunakan dan masih digunakan dalam masyarakat adalah dinar emas, dirham perak, Ringgit Malaysia (RM), Dolar Amerika Syarikat (USD), Rupiah Indonesia dan Baht Thailand.

Dalam Bahasa Arab, perkataan wang berasal daripada kalimah *al-naqd* atau *al-nuqud*. Kedua-duanya bermaksud mata wang daripada emas, perak atau lain-lain yang diterima oleh masyarakat secara meluas. Kalimah *al-naqd* atau *al-nuqud* juga tidak digunakan di dalam

¹⁰ Cheah, Kooi Guan, *Bekalan wang dan pasaran kewangan di Malaysia*. (Malaysia: Pusat Pengajian Luar Kampus, Universiti Sains Malaysia, 1991), 18.

¹¹ *History of money*, 45-50.

¹² *The Islamic Currency*, 76.

¹³ Kamus Dewan Edisi Keempat. "Dewan Bahasa dan Pustaka." *Kuala Lumpur* (2005).

¹⁴ Sampat Mukherjee, *Modern economic theory*, (New Delhi: New Age International, 2002), 754.

¹⁵ Richard Coghlan, *The Theory of Money & Finance*, (London: Palgrave, 1980), 13.

Al-Quran dan hadis. Orang Arab pada zaman Nabi Muhammad SAW menggunakan kalimah dinar dan dirham untuk menunjukkan mata wang dari emas dan perak. Wang tembaga pula dipanggil *fulus* dan digunakan bagi transaksi berangan yang murah sahaja.¹⁶

Mata wang berdasarkan konsep Islam haruslah mematuhi prinsip-prinsip syariah yang telah digariskan. Sistem mata wang menurut Islam adalah tidak menyalahi syarak dan tiada unsur-unsur yang haram seperti riba, penipuan, judi, manipulasi dan spekulasi. Sesuatu mata wang yang mematuhi syarat-syarat tersebut boleh diterima di sisi Islam sama ada ianya dari emas, perak, tembaga atau sebagainya. Nabi Muhammad SAW tidak melarang orang-orang Mekah menggunakan dinar dan dirham yang berasal dari kerajaan Sasan dan Byzantium sebagai mata wang dalam transaksi harian mereka.¹⁷ Mata wang mempunyai fungsi tersendiri di dalam Islam selain daripada sebagai medium pertukaran barangan atau perkhidmatan, pengukur nilai dan penyimpan nilai. Mata wang di sisi Islam bersangkut-paut dengan hal ehwal *sarf, jizyah, kharja, diat, zakat, mas kahwin, faraid* dan penentuan jumlah minimum dalam menentukan hukuman kepada pencuri.¹⁸ Hal ini menunjukkan bahawa mata wang di sisi Islam tidak hanya terhad sebagai medium pertukaran barangan sahaja.

Di dalam Al-Quran dan hadis, kalimah dinar, dirham, wariq dan fulus digunakan bagi merujuk kepada mata wang yang diperbuat daripada emas, perak dan fulus.¹⁹ Namun begitu, penggunaan kalimah tersebut tidak membincangkan konsep dan falsafah mata wang menurut Islam secara khusus.²⁰ Menurut Sahl bin Abdullah al-Tustari di dalam Tafsir al-Qurtubi, keputusan berkaitan dinar dan dirham merupakan salah satu hak pemimpin yang perlu dipatuhi oleh rakyat selain hal ehwal berkaitan timbangan dan sukatan, hukum-hakam, solat Jumaat, dua hari raya, ibadah haji dan jihad.²¹

MATA WANG MENURUT SARJANA ISLAM

Mata wang menurut Al-Ghazali

Imam Al-Ghazali di dalam kitab *Ihya` Ulum al-Din* menyatakan bahawa mata wang diterima oleh masyarakat sebagai alat medium pertukaran bagi mengatasi kelemahan pertukaran barang dengan barangan lain (sistem barter). Mata wang merupakan objek atau barangan yang digunakan untuk mendapatkan sesuatu barangan atau perkhidmatan lain. Mata wang diibaratkan seperti cermin yang mampu memantulkan pelbagai warna tetapi ianya sendiri tidak mempunyai warna. Mata wang dikehendaki kerana fungsinya untuk tujuan transaksi tetapi mata wang itu tidak mempunyai keistimewaan tersendiri. Pemilikan wang untuk tujuan selain pertukaran barangan dan perkhidmatan adalah tidak bermanfaat. Seterusnya, Al-Ghazali menyatakan bahawa fungsi wang adalah sebagai '*qiyam al-dunya*' iaitu sebagai pengukur nilai barangan dan membandingkan dengan barangan lain. Mata wang juga disebut sebagai '*hakim mutawasit*' iaitu hakim yang adil dalam menentukan nilai sesebuah barangan.²²

¹⁶ Nor, Mohd Ali Mohd, "Gold Backed Currency: Analytical Review from Quranic Perspective." *International Journal of Islamic Economics and Finance Research* 2, (2019): 18.

¹⁷ Sanusi, Mahmood M. "Gold dinar, paper currency and monetary stability: an Islamic view." *IIUMLJ* 9 (2001): 143.

¹⁸ *The Islamic Currency*, 41.

¹⁹ Ahmad Hassan, *al-Awraq al-Naqdiyah fi al-Iqtisodi al-Islami*. (Damsyiq: Dar al-Fiqr, 1999), 34.

²⁰ Kamaru Salam Yusof, "Mata Wang Semasa dan Permasalahannya Menurut Islam", (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005).

²¹ Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad, *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006), 168.

²² Ghazanfar, S. Mohammad, and Abdul Azim Islahi, *Economic thought of al-Ghazali*, (Jeddah: Scientific Publishing Centre King Abdulaziz University, 1997), 36.

Menurut Al-Ghazali, mata wang tidak sekadar hanya daripada emas dan perak. Mata wang juga tidak disyaratkan mempunyai nilai intrinsik. Objek lain seperti logam, komoditi ataupun kertas boleh diterima sebagai mata wang dengan syaratnya ianya diiktiraf oleh pemerintah. Dua syarat utama sesuatu diterima sebagai mata wang adalah diterima masyarakat sebagai medium pertukaran dan mempunyai nilai yang stabil. Selain itu, mata wang mestilah mudah dibawa dan boleh dipecahkan dalam jumlah yang kecil serta sukar untuk dipalsukan. Mata wang perlu beredar dalam pasaran. Mata wang yang tidak beredar dalam pasaran tidak memberi manfaat kepada ekonomi dan masyarakat. Justeru, menyembunyikan dan memonopoli wang dalam pasaran adalah tindakan yang tidak adil kerana wang tidak berfungsi dengan sepatutnya.²³

Mata wang menurut Ibn Taimiyah

Menurut Ibn Taimiyah, mata wang mempunyai dua fungsi utama iaitu sebagai medium pertukaran dan pengukur nilai. Ianya tidak mempunyai kelebihan tersendiri kecuali digunakan untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan lain.²⁴ Sesuatu yang diterima sebagai mata wang bergantung kepada penerimaan dan kebiasaan masyarakat.²⁵ Seterusnya, mata wang tidak boleh diniagakan untuk mendapatkan keuntungan seperti komoditi yang lain. Pertukaran mata wang juga mestilah dilakukan secara tunai atau terus tanpa tangguh (*taqabudh*).

Keadilan dalam mata wang merupakan aspek penting bagi penentuan harga dalam pasaran. Mata wang perlu dikawal oleh pemerintah kerana fungsi mata wang sebagai pengukur harga amat penting bagi menentukan nilai sesuatu barangan atau perkhidmatan dalam pasaran. Percetakan wang secara berlebihan adalah zalim kerana akan menyebabkan nilai mata wang itu jatuh. Ibn Taimiyah juga memperkenalkan teori peredaran wang buruk dalam pasaran akan menyingkirkan wang baik sekaligus menyebabkan berlakunya inflasi dan kepercayaan masyarakat terhadap mata wang yang dikeluarkan kerajaan berkurang.²⁶

Mata wang menurut Ibn Khaldun

Fungsi utama mata wang menurut Ibn Khaldun adalah sebagai medium pertukaran, pengukur nilai dan penyimpan nilai. Beliau menyatakan emas dan perak merupakan anugerah Allah kepada manusia. Emas dan perak tidak mempunyai nilai intrinsik menurut beliau, tetapi merupakan sesuatu yang penting dalam kehidupan manusia sebagai pengukur nilai dan medium pertukaran. Mata wang juga tidak terhad kepada emas dan perak sahaja. Namun keduanya merupakan penanda asas yang kukuh bagi menentukan nilai sesuatu berbanding logam lain dan juga diiktiraf oleh pemerintah.²⁷

Pengukur kekayaan sebenar sesebuah negara menurut Ibn Khaldun adalah berdasarkan peningkatan produktiviti dalam negara yang diukur melalui gaji pekerja, keuntungan pengusaha dan hasil sewaan. Jumlah wang yang banyak tidak menunjukkan kekayaan negara kerana lebih wang dalam pasaran tidak memberi nilai tambah kepada wang tersebut malahan boleh menyebabkan berlakunya inflasi. Nilai mata wang juga perlulah stabil dan tidak terdedah kepada spekulasi kerana akan menjejaskan aktiviti ekonomi.²⁸

²³ Faiz Mohamed Yusof, Joni Tamkin Borhan dan Nurhanani Romlli, "Pemikiran Ekonomi Al Ghazali Dalam Teori Kewangan", *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 3 (2016): 82.

²⁴ Ibn Taymiah, Majmu', *Fatawa Ibn Taimiyah*, (Beirut, Dar al-Fikr, 1998).

²⁵ Abdul Rahman A Shukor and Joni Tamkin Borhan, "Konsep Wang Dan Al-Sarf Menurut Perspektif Syariah," *Al-Basirah* 7, (2017): 75.

²⁶ Abdul, Azim Islahi, *Economic Concepts of Ibn Taimiyah*, (Leicester: Islamic Foundation, 1988), 143.

²⁷ Ibn Khaldun. *Al-Muqaddimah*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1988).

²⁸ Borhan, Joni Tamkin, "Sumbangan Ibn Khaldun Dalam Pemikiran Ekonomi Islam dan Relevansinya dengan Permasalahan Ekonomi Semasa." *Afkar-Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 1, (2000): 156.

Mata wang menurut Al-Maqrizi

Al-Maqrizi merupakan sarjana Islam yang menekankan kepentingan emas dan perak sebagai mata wang dalam Islam. Menurut Al-Maqrizi, mata wang yang paling stabil adalah emas dan perak. Nabi Muhammad SAW mengekalkan penggunaan dinar emas dan dirham perak sebagai mata wang di Mekah walaupun ianya dikeluarkan oleh kerajaan bukan Islam pada ketika itu. Beliau menyeru pemerintah pada zamannya untuk menggunakan dinar dan dirham sebagai mata wang utama dalam pasaran.²⁹

Beliau mengkritik mata wang *fulus* yang dikeluarkan oleh Sultan Muhammad al-Kamil dari kerajaan Ayyubiah kerana mata wang *fulus* tersebut merupakan campuran emas dan logam lain iaitu tembaga. Campuran tersebut menjatuhkan nilai mata wang yang dicetak. Seterusnya, beliau berpendapat longgokan wang dalam pasaran akan menyebabkan berlakunya inflasi dan menggugat kestabilan ekonomi negara. Beliau juga mempunyai pendapat yang sama dengan Ibn Taimiyah bahawa peredaran wang buruk iaitu *fulus* dalam pasaran akan menyinkirkan wang baik (dinar emas dan dirham perak).³⁰

Mata wang menurut Abdullah Sulayman al-Mani

Menurut Abdullah Sulayman al-Mani, mata wang merupakan sesuatu yang diterima masyarakat sebagai alat perantaraan bagi pertukaran barangan dan perkhidmatan. Emas, perak, wang kertas, logam, cengkerang, kulit haiwan dan sebagainya boleh diterima sebagai mata wang. Mata wang juga tidak semestinya mempunyai nilai intrinsik seperti wang kertas. Fungsi medium pertukaran merupakan aspek yang penting bagi sesuatu mata wang. Selain penerimaan masyarakat, sesuatu boleh diterima sebagai mata wang sekiranya ia diiktiraf oleh kerajaan yang memerintah. Penglibatan kerajaan dalam hal ehwal berkaitan mata wang adalah penting bagi memastikan nilainya stabil dan selamat digunakan masyarakat dalam pasaran ekonomi.³¹

Mata wang menurut Monzer Kahf

Mata wang tidak terhad kepada emas dan perak sahaja. Beliau berpandangan keduanya hanya logam yang diterima umum dalam masyarakat sebagai medium pertukaran dan penentu nilai barangan atau perkhidmatan. Mata wang di sisi Islam melibatkan hal-hal seperti perkahwinan, pembayaran fidyah, zakat, *diat* dan hutang. Monzer Kahf menekankan kepentingan mata wang diregulasi dan dikeluarkan oleh kerajaan. Hanya kerajaan yang boleh mengiktiraf sesuatu mata wang sebagai alat pembayaran yang sah dalam negara. Pengawasan kerajaan terhadap mata wang bertujuan menjaga kemaslahatan kewangan rakyat. Selain itu, beliau menekankan kepentingan nilai yang stabil dan tidak mudah meruap bagi sesuatu mata wang.³² Nilai mata wang yang tidak stabil dan mudah meruap memberi kesan negatif kepada ekonomi dan masyarakat.

Seterusnya, Monzer Kahf berpendapat bahawa mata wang fiat yang digunakan sekarang seperti Dolar, Rupiah dan Ringgit tidak mempunyai nilai intrinsik. Mata wang tersebut diterima masyarakat dan digunakan dalam ekonomi kerana ianya dijamin dan diiktiraf kerajaan pusat sebagai mata wang yang sah. Walaupun sesuatu mata wang

²⁹ Suar, Abi, Meirison Meirison, Elfia Elfia, and Ilda Hayati, "Al Maqrizi's View on Islamic Economy and Its Relevance to Covid-19 Pandemic in Indonesia." *Nurani: Jurnal Kajian Syari'ah dan Masyarakat* 20, (2020): 86.

³⁰ *The Islamic Currency*, 53.

³¹ al-Mani, A. S, *Paper money: its reality, history, value and legal ruling*, Terj. Usama Hasan (Saudi Arabia: Supreme Judicial College, 1984), 12.

³² Monzer Kahf, *Fiscal and monetary policies in an Islamic Economy, Monetary and Fiscal Policy of Islam*, (Jeddah: International Centre for Research in Islamic Economics, King Abdul Aziz University, 1982): 125-140.

digunakan masyarakat dalam ekonomi, ianya tidak sah jika tidak diregulasi dan diiktiraf kerajaan sebagai mata wang yang sah.³³

Mata wang menurut Syeikh Taqi Usmani

Fungsi utama mata wang menurut Syeikh Taqi Usmani adalah sebagai perantara pertukaran, pengukur nilai dan penyimpan nilai. Pemerdagangan mata wang adalah dilarang dalam Islam kecuali bagi tujuan tertentu. Keuntungan yang diperoleh dari perdagangan wang adalah riba dan haram. Mata wang menurut beliau tidak semestinya mempunyai nilai intrinsik. Beliau mempunyai pandangan yang sama dengan Al-Ghazali bahawa mata wang tidak mempunyai nilai dan keistimewaan tersendiri, namun mempunyai banyak fungsi dalam kehidupan manusia.³⁴

PERBINCANGAN KAJIAN

Terdapat persamaan dan juga perbezaan konsep mata wang menurut kaca mata barat dan Islam. Kedua-duanya menyatakan bahawa fungsi utama mata wang adalah sebagai alat perantara pertukaran bagi mendapatkan sesuatu barangan atau perkhidmatan dan menentukan nilai harga sesuatu barangan atau perkhidmatan. Secara umumnya mata wang menurut Islam dan barat mestilah diterima umum masyarakat dalam pasaran sebagai alat perantara pertukaran, mempunyai nilai yang stabil, tahan lama, mudah dibawa ke mana sahaja dan boleh dipecahkan kepada nilai yang lebih kecil.

Berdasarkan pandangan sarjana Islam berkaitan konsep mata wang, tiada hukum atau dalil yang putus (qat`ie) tentang ciri-ciri, fungsi, jenis atau bentuk mata wang. Mata wang boleh datang dalam pelbagai jenis dan bentuk seperti logam, gandum, wang kertas mahupun wang digital. Mata wang tidak hanya terhad kepada emas dan perak sahaja. Sebagai barangan ribawi, transaksi melibatkan mata wang haruslah mematuhi rukun-rukun *sarf* yang ditetapkan berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan ‘Ubadah Bin al-Somit RA yang bermaksud ;

“Emas dijual dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, garam dengan garam, timbangan dan beratnya mesti sama, dibayar secara serta-merta (bukan bertanggung). Namun, jika jenis dan kategori barangnya berbeza, maka berjual belilah mengikut yang kamu kehendaki dengan syarat mesti dibayar secara serta-merta (on the spot)”.
*Hadis Muslim (1587)*³⁵

Selain itu, sarjana Islam bersetuju bahawa mata wang dilarang untuk diperdagangkan seperti komoditi lain, hasil keuntungan daripada jual beli mata wang adalah riba. Seterusnya, mata wang haruslah beredar dalam pasaran ekonomi dan tidak boleh ditimbunkan (*ihtikar*) kerana ianya menyalahi fungsi mata wang itu sendiri. Antara ciri-ciri mata wang yang menjadi khilaf di kalangan sarjana Islam adalah mata wang perlu mempunyai nilai intrinsik, disandarkan kepada emas dan perak serta dikeluarkan dan diregulasi oleh kerajaan.

Al-Ghazali menolak fungsi mata wang sebagai penyimpan nilai bagi mengelakkan mata wang menjadi alat perdagangan dan bahan spekulasi. Pendapat ini disokong Ibn Taimiyah bahawa mata wang tidak mempunyai manfaat tersendiri dan bukannya penyimpan nilai. Namun begitu, sarjana lain seperti Ibn Khaldun dan Taqi Usmani menerima mata wang sebagai alat penyimpan nilai kerana nilainya yang stabil untuk jangka masa yang panjang.

³³ Monzer Kahf, “Fatawa Money, Currencies, Gold, Sarf”, accessed 20 July 2022, <http://monzer.kahf.com/>.

³⁴ Usmani, M. T., *An Introduction to Islamic Finance*, (The Hague: Kluwer Law International, 2002), 75.

³⁵ Hadis Riwayat Muslim, Kitab Al-Musaqah, no. hadith 1587.

Al-Ghazali, Ibn Taimiyah, Ibn Qayyim, Monzer Kahf dan Taqi Usmani berpendapat apa-apa yang diterima oleh masyarakat sebagai alat pertukaran boleh diterima sebagai mata wang dan tidak semestinya mempunyai nilai intrinsik. Namun begitu, Al-Maqrizi menyatakan mata wang yang sebenarnya di sisi Islam adalah emas dan perak kerana keduanya mempunyai nilai intrinsik dan diterima umum sebagai sesuatu yang berharga. Menurut Abdullah Sulayman al-Mani, mata wang hanya terdiri daripada emas dan perak ataupun wang kertas yang disandarkan kepada emas dan perak. Selain emas dan perak, beliau berpendapat wang kertas boleh disandarkan kepada harta lain yang bernilai seperti aset hartanah, bil monetari, bon ataupun sukuk.

Di dalam Tafsir al-Qurtubi menyebut menggandakan dinar dan dirham merupakan salah satu daripada tujuh perkara yang perlu ditaati rakyat kepada pemerintah. Penggunaan dinar dan dirham merujuk kepada sistem mata wang dalam masyarakat. Sehubungan itu, majoriti ulama berpendapat kerajaan atau pemerintah mempunyai kuasa mutlak untuk mengeluarkan, mencetak dan mengiktiraf sesuatu mata wang sebagai mata wang rasmi negara. Menurut Al-Ghazali, kerajaan mempunyai kuasa penuh dalam hal ehwal kewangan dan ekonomi negara termasuklah melibatkan mata wang. Pengeluaran dan percetakan mata wang adalah tugas kerajaan ataupun badan dan institusi yang dibenarkan oleh kerajaan. Seterusnya, Ibn Taimiyah berpendapat kerajaan perlu campur tangan dalam hal ehwal mata wang bagi memastikan tiada pengeluaran wang buruk iaitu dinar atau dirham yang dicampur dengan bahan lain selain emas dan perak. Pendapat ini selari dengan pandangan Al-Maqrizi, malahan beliau menyeru pemerintah pada zamannya untuk menggunakan dinar emas dan dirham perak sepenuhnya sebagai mata wang rasmi.

Ciri-ciri / Sarjana	Medium pertukaran	Pengukur nilai	Penyimpan nilai	Nilai intrinsik	Dari / disandarkan emas dan perak	Diregulasi kerajaan
Al Ghazali	√	√	X	X	√	√
Ibn Taimiyah	√	√	X	X	√	√
Ibn Qayyim	√	√	-	X	-	-
Ibn Khaldun	√	√	√	√	√	-
Al Maqrizi	√	√	-	√	√	√
Al Mani	√	√	-	-	-	√
Yusuf Qardawi	√	√	√	√	X	-
Monzer Kahf	√	√	√	X	X	√
Taqi Usmani	√	√	√	X	X	-

Jadual 1. Ringkasan ciri-ciri mata wang menurut sarjana Islam terpilih

KESIMPULAN

Berdasarkan pandangan beberapa sarjana Islam tentang mata wang, dapat disimpulkan bahawa mata wang dalam Islam tidak hanya terhad kepada emas dan perak sahaja. Selain dinar dan dirham, mata wang juga boleh terdiri daripada logam berharga seperti tembaga dan gangsa, wang kertas yang disandarkan kepada emas, perak atau aset bernilai yang lain, dan wang fiat atau wang digital yang digunakan pada masa ini. Mata wang dalam Islam secara umumnya berfungsi sebagai alat pertukaran dan pengukur nilai bagi sesuatu barangan atau perkhidmatan. Peranan dan penglibatan kerajaan atau pemerintah dalam hal ehwal mata wang termasuklah pengeluaran dan percetakan adalah penting bagi memastikan mata wang

mendapat kepercayaan masyarakat, mempunyai nilai yang stabil dan selamat digunakan di dalam pasaran ekonomi.

RUJUKAN

Buku

- Abdul, Azim Islahi, *Economic Concepts of Ibn Taimiyah*. Leicester: Islamic Foundation, 1988.
- Abdullah, Adam. *The Islamic Currency*. Kuala Lumpur: International Council of Islamic Finance Educators, 2016.
- Ahmad Hassan, *al-Awraq al-Naqdiyah fi al-Iqtisodi al-Islami*. Damsyiq: Dar al-Fiqr, 1999.
- al-Mani, A. S, *Paper money: its reality, history, value and legal ruling*, Terj. Usama Hasan. Saudi Arabia: Supreme Judicial College, 1984.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad, *al-Jāmi'li Ahkām al-Qur'an*. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006.
- Cheah, Kooi Guan, *Bekalan wang dan pasaran kewangan di Malaysia*. Malaysia: Pusat Pengajian Luar Kampus, Universiti Sains Malaysia, 1991.
- Davies, Glyn. *History of money*. Cardiff: University of Wales Press, 2010.
- Ghazanfar, S. Mohammad, and Abdul Azim Islahi, *Economic thought of al-Ghazali*. Jeddah: Scientific Publishing Centre King Abdulaziz University, 1997.
- Ibn Khaldun. *Al-Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Fikr, 1988.
- Ibn Taymiah, Majmu', *Fatawa Ibn Taimiyah*. Beirut, Dar al-Fikr, 1998.
- Miller, Roger LeRoy, and David D. VanHoose. *Modern money and banking*. New York: McGraw-Hill College, 1993.
- Monzer Kahf, *Fiscal and monetary policies in an Islamic Economy, Monetary and Fiscal Policy of Islam*. Jeddah: International Centre for Research in Islamic Economics, King Abdul Aziz University, 1982.
- Richard Coghlan, *The Theory of Money & Finance*. London: Palgrave, 1980.
- Sampat Mukherjee, *Modern economic theory*. New Delhi: New Age International, 2002.
- Usmani, M. T., *An Introduction to Islamic Finance*, The Hauge: Kluwer Law International, 2002.

Artikel jurnal

- Abdul Rahman A Shukor and Joni Tamkin Borhan, "Konsep Wang Dan Al-Sarf Menurut Perspektif Syariah," *Al-Basirah* 7, (2017): 69–85.
- Barakat, Emad Rafiq, and Muhammad Aslam Haneef. "Must money be limited to only gold and silver?: a survey of Fiqhi opinions and some implications." *Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economics* 19, (2006): 21-34.
- Borhan, Joni Tamkin. "Sumbangan Ibn Khaldun Dalam Pemikiran Ekonomi Islam dan Relevansinya dengan Permasalahan Ekonomi Semasa." *Afkar-Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 1, (2000): 155-176.
- Faiz Mohamed Yusof, Joni Tamkin Borhan dan Nurhanani Romlli, "Pemikiran Ekonomi Al Ghazali Dalam Teori Kewangan", *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 3 (2016): 79-95.
- Ichsan, Muchammad. "Konsep Uang Dalam Perspektif Ekonomi Islam." *Profetika: Jurnal Studi Islam* 21, no. 1 (2020): 27-38.
- Nor, Mohd Ali Mohd, "Gold Backed Currency: Analytical Review from Quranic Perspective." *International Journal of Islamic Economics and Finance Research* 2, (2019): 16-31.

Sanusi, Mahmood M. "Gold dinar, paper currency and monetary stability: an Islamic view." *IJUMIJ* 9 (2001): 143-160.

Suar, Abi, Meirison Meirison, Elfia Elfia, and Ilda Hayati, "Al Maqrizi's View on Islamic Economy and Its Relevance to Covid-19 Pandemic in Indonesia." *Nurani: Jurnal Kajian Syari'ah dan Masyarakat* 20, (2020): 83-96

Yaacob, Salmy Edawati. "The ruling of paper money usage: analysis based on the evolution of currency development." *Asian Social Science* 10, no. 3 (2014): 86-93.

Tesis dan Disertasi

Kamaru Salam Yusof, "Mata Wang Semasa dan Permasalahannya Menurut Islam." Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.

Rujukan Dalam Talian

Monzer Kahf, "Fatawa Money, Currencies, Gold, Sarf", accessed 20 July 2022, <http://monzer.kahf.com/>.